

Keberkesanan Majlis Sulh dan Kaedah yang Digunakan dalam Penyelesaian Kes-Kes di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Kangsar (MRSKK)

The Effectiveness Of The Sulh Council And The Methods Employed In Resolving Cases At The Kuala Kangsar Shariah Lower Court (MRSKK)

Mustaqim Roslan, M,* Mifzal Azman, A

Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial, Universiti Sultan Azlan Shah, 33000 Bandar Diraja Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

**Corresponding author: mubd.mustaqim@usas.edu.my*

Article history

Received: 2024-10-28 Received in revised form: 2025-10-19 Accepted: 2026-01-07 Published online: 2026-02-28

Abstract

The Sulh Council is an alternative mechanism established within the Syariah Court to expedite the resolution of the backlog of registered cases. The sulh process functions as a guided discussion platform between disputing parties to reach a mutual agreement, which is subsequently formalised by the Sulh Officer. Notably, at the Kuala Kangsar Syariah Subordinate Court (MRSKK), approximately 85% of all cases have been successfully resolved through the Sulh Council. This development significantly eases judicial procedures, as settlement agreements signed by the parties are endorsed by the presiding judge as binding court orders, thereby eliminating the need for lengthy trials. Accordingly, this study aims to analyse the types of cases successfully resolved through the Sulh Council and to evaluate the effectiveness of the methods employed in the sulh process at MRSKK. Anchored in an interpretivist research philosophy and employing a case study strategy, this study adopts a qualitative design, incorporating document analysis and semi-structured interviews with the Syariah Judge, Sulh Officer, and Assistant Registrar at MRSKK. Document content analysis was further utilised in analysing the data, with findings categorised thematically. The study reveals that the three most frequently resolved cases through the Sulh Council were ordinary divorce, child maintenance claims, and hadanah (custody), while the two most effective methods employed were mediation and Islamic counselling approaches. Further research is recommended to explore additional methods such as restorative approaches, Maqasid Syariah-based counselling, and the integration of information and communication technology (ICT) in the sulh process, particularly within Syariah Courts in Malaysia, with specific reference to MRSKK.

Keywords: effectiveness, Syariah Court, Sulh Council, sulh process.

Abstrak

Majlis Sulh merupakan mekanisme alternatif yang diwujudkan dalam Mahkamah Syariah bagi mempercepatkan penyelesaian lambakan kes yang didaftarkan. Proses sulh berperanan sebagai platform perbincangan terpinpin antara pihak-pihak yang bertikai untuk mencapai persetujuan bersama, yang kemudiannya dirangka oleh Pegawai Sulh. Menariknya, di Mahkamah Rendah Syariah Kuala Kangsar (MRSKK), sebanyak 85% daripada keseluruhan kes telah berjaya diselesaikan di peringkat Majlis Sulh. Hal ini sekali gus memudahkan urusan penghakiman apabila perjanjian penyelesaian telah ditandatangani oleh pihak-pihak disahkan oleh Yang Arif Hakim sebagai satu perintah mahkamah tanpa perbicaraan panjang. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis jenis kes yang berjaya diselesaikan melalui Majlis Sulh serta menilai keberkesanan kaedah yang digunakan dalam proses sulh di MRSKK. Berteraskan falsafah kajian interpretif dan strategi kajian kes, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan gabungan kaedah analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur melibatkan Hakim Syarie, Pegawai Sulh dan Pembantu Pendaftar di MRSKK. Kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Dapatan kajian menunjukkan

bahawa terdapat tiga kes tertinggi yang berjaya melalui Majlis Sulh iaitu, cerai biasa, tuntutan nafkah anak dan hadanah, manakala dua kaedah yang berjaya digunakan dalam proses sulh di MRSKK iaitu, mediasi dan pendekatan Kaunseling Islami. Kajian lanjutan diperlukan untuk meneroka kaedah lain yang sesuai digunakan seperti pendekatan restoratif, kaunseling berasaskan Maqasid Syariah, teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses sulh dan lain-lain bagi menyelesaikan kes-kes dalam Majlis Sulh di mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia khususnya di MRSKK.

Kata kunci: *keberkesanan, Mahkamah Syariah, Majlis Sulh, proses sulh.*

1.0 PENGENALAN

Majlis Sulh ialah salah satu kaedah yang secara lazimnya menjadi keutamaan bagi menyelesaikan perselisihan faham antara suami dan isteri dalam isu kekeluargaan. Sulh melibatkan proses perundingan terpuji dengan memberi peluang kepada pihak-pihak bertikai mencapai satu persetujuan bersama secara kerelaan hati tanpa campur tangan daripada pihak lain (Noor Shamimi, 2023). Lanjutan daripada itu, Pegawai Sulh merupakan pihak yang diberi mandat untuk mengendalikan proses sulh dengan memikul dua peranan utama, iaitu sebagai mediator dan kaunselor. Peranan ini secara tidak langsung memperkukuh kedudukan sulh sebagai salah satu mekanisme alternatif dalam penyelesaian pertikaian yang berfungsi untuk meredakan serta menamatkan konflik antara pihak-pihak yang terlibat (Mohd Fuad, 2008). Kebiasaannya, bidang kuasa Majlis Sulh beroperasi di bawah Mahkamah Syariah tetapi terdapat prosedurnya tersendiri. Proses sulh akan bermula dari pendaftaran kemudiannya diserahkan kepada Majlis Sulh sehingga selesai kes tersebut. Kaedah sulh adalah salah satu cara terbaik untuk menyelesaikan masalah kekeluargaan tanpa perlu melalui perbicaraan panjang mahkamah (Hanan, 2024).

Menurut Menteri Agama di Jabatan Perdana Menteri yang menguruskan Hal Ehwal Agama, Mohd Na'im Mokhtar (2024), hampir 90% kes sulh di Malaysia berjaya diselesaikan pada tahun 2023. Hal ini membuktikan bahawa kejayaan penyelesaian di bawah penyelenggaraan sulh amat ditekankan kerana Islam menyeru untuk menyelesaikan setiap pertikaian secara baik (Berita Harian, 2024). Selain itu, Majlis Sulh yang dikendalikan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pula telah berjaya menyelesaikan lebih 88% daripada 11,921 kes konflik kekeluargaan pada tahun lalu (Nor Azizah, 2024). Pelaksanaan Majlis Sulh di negeri-negeri lain juga telah membantu ramai pihak yang bertikai menyelesaikan pertikaian secara damai, mudah dan cepat serta tidak dinafikan juga adalah di negeri Perak Darul Ridzuan (Suhaizad, 2023). Di negeri Perak khususnya di MRSKK terdapat 85% kes berjaya di selesaikan dan ini adalah satu angka yang tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain (In2, komunikasi peribadi, Julai 7, 2024). Ini menunjukkan pelaksanaan sulh di Mahkamah Syariah telah menerima unsur penambahbaikan dari tahun ke tahun daripada aspek perundangan dan inovasi pentadbiran serta infrastruktur.

Sehubungan dengan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis jenis kes yang berjaya diselesaikan melalui Majlis Sulh serta menilai keberkesanan kaedah yang digunakan dalam proses sulh di MRSKK. Kajian ini penting dalam meneroka kes-kes yang telah berjaya diselesaikan di bawah proses sulh dan mengetahui apakah kaedah yang digunakan oleh seorang Pegawai Sulh dalam menyelesaikan isu-isu terbabit. Hal ini secara tidak langsung dapat membuka mata orang ramai tentang kejayaan Majlis Sulh dalam menamatkan suatu pertelingkahan antara suami dan isteri dalam konflik kekeluargaan. Tambahan pula, kewujudan seksyen sulh ini membuktikan keberkesanannya dalam mempercepatkan penyelesaian kes serta mengelakkan proses perbicaraan yang berlarutan (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 1997). Oleh yang demikian, artikel ini menjawab dua persoalan sahaja iaitu, apakah jenis kes yang berjaya diselesaikan melalui Majlis Sulh dan kaedah yang digunakan dalam menyelesaikan kes-kes tersebut di MRSKK?

2.0 SOROTAN KAJIAN

Sorotan kajian atau sinonim dengan *literature review* pada umumnya mengandungi kajian kepustakaan yang diambil daripada pelbagai sumber sama ada daripada jurnal, prosiding, kertas projek, tesis, buku dan sebagainya. Tiada satu standard khusus yang menetapkan jumlah sumber yang perlu dikaji; namun, semakin banyak bahan penulisan yang diteliti, semakin kukuh dan mantaplah kerangka penyelidikan yang akan dijalankan. Pengkaji memulakan sorotan dengan kajian Wan Azimin & Ahmad Hidayat (2017) yang meneliti pemerkasaan pelaksanaan sulh dalam kes tuntutan hartanah orang Islam di Mahkamah Syariah Malaysia. Kajian ini menegaskan bahawa kekangan utama berpunca daripada isu pentadbiran, khususnya kualiti dan kecekapan Pegawai Sulh. Dapatan ini menekankan aspek sumber manusia dan pentadbiran dalaman sebagai penentu keberkesanan sulh.

Sebaliknya, kajian Ruzita, Dina & Hasnizam (2020) yang meneliti pelaksanaan sulh dalam kes hadanah dan nafkah anak menampilkan fokus berbeza. Walaupun masih dalam kerangka sulh, dapatan mereka lebih menekankan kepada penambahbaikan perkhidmatan untuk meningkatkan keberkesanan penyelesaian kes kekeluargaan. Perbandingan ini menunjukkan bahawa kajian lepas cenderung membincangkan sulh dalam konteks berbeza, ada yang menekankan pentadbiran (Wan Azimin & Ahmad Hidayat, 2017) dan ada yang menekankan keberkesanan perkhidmatan dalam kes keluarga (Ruzita et al., 2020).

Dalam konteks yang lebih kontemporari, kajian Nurzakiah & Nurul Hikmah (2022) pula mengangkat isu norma baharu akibat pandemik. Menariknya, dapatan mereka menunjukkan bahawa faktor pandemik tidak menjejaskan pelaksanaan sulh, bahkan membuktikan bahawa proses ini boleh dijalankan secara atas talian dengan berkesan. Jika dibandingkan dengan dua kajian sebelumnya, dapatan ini menekankan aspek adaptasi teknologi dan fleksibiliti prosedur, iaitu sudut yang tidak disentuh dalam kajian terdahulu.

Selain itu, Mohamad Yuszairi (2023) melalui kajiannya mengenai prosedur dan keberkesanan Majlis Tahkim dalam kes shiqaq di Mahkamah Syariah Selangor memperluas wacana penyelesaian pertikaian dengan menekankan keberkesanan tahkim sebagai alternatif mempercepatkan proses perdamaian dalam kes perceraian. Kajian ini menonjolkan mekanisme berbeza daripada sulh, sekali gus membuka ruang perbandingan antara dua kaedah penyelesaian di bawah institusi kehakiman syariah.

Secara keseluruhannya, sorotan ini memperlihatkan bahawa meskipun kajian-kajian lepas menegaskan keberkesanan sulh dan tahkim, terdapat jurang ketara dalam aspek analisis mendalam, terutamanya dari segi kaedah yang digunakan dalam Majlis Sulh dan faktor yang menyumbang kepada kejayaan penyelesaian kes. Kajian sedia ada lebih menekankan kepada pentadbiran, perkhidmatan, teknologi norma baharu, atau mekanisme alternatif berbanding pendekatan terperinci terhadap strategi atau teknik sulh yang benar-benar membawa kepada kejayaan perdamaian. Oleh itu, jurang ini membuka ruang kepada pengkaji untuk meneroka dimensi baharu dengan lebih fokus terhadap analisis kes, pendekatan prosedur, dan teknik penyelesaian yang digunakan dalam Majlis Sulh.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah bertujuan untuk memastikan penyelidikan yang dijalankan terarah dan bersistematik untuk menjawab kesemua persoalan kajian. Oleh yang demikian, kajian ini telah mengatur strategi-strategi yang digunakan untuk mendapatkan maklumat melalui tiga pendekatan iaitu reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Kajian ini

mengadaptasikan reka bentuk kualitatif dan menggunakan kaedah analisis dokumen serta temu bual separa berstruktur dalam kaedah pengumpulan data. Terdapat tiga kategori sampel yang menjadi informan utama dalam kajian ini melibatkan Hakim Syarie, Pegawai Sulh dan Pegawai Tadbir di MRSKK. Jadual 1 menunjukkan senarai informan yang menjadi peserta dalam kajian ini:

Jadual 1 Senarai Informan Kajian

Bil.	Informan Kajian (In)	Butiran
1.	In1	Hakim
2.	In2	Pegawai Sulh
3.	In3	Pembantu Pendaftar 1
4.	In4	Pembantu Pendaftar 2
5.	In5	Pembantu Pendaftar 3

Dalam kajian kualitatif, bilangan informan yang ditemu bual bukan menjadi isu utama kerana tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan dalam menentukan saiz sampel (Patton 2002). Tujuan gabungan kaedah-kaedah ini adalah bagi mencapai tahap kesahan data untuk menjawab objektif dan persoalan kajian. Hal ini menunjukkan bahawa kajian ini telah menggunakan teknik triangulasi dengan menggabungkan dua atau lebih kaedah dalam kutipan data (Cohen, Manion & Morisson 2000). Adapun data temu bual soalan separa berstruktur pula dipilih dalam kajian ini untuk mendapatkan informasi yang lebih jelas dan mendalam. Bagi memastikan data-data temu bual ini mencapai tahap *reliability* iaitu kebolehpercayaan data, maka teknik semakan informan telah digunakan bagi memastikan kredibiliti dapatan kajian (Lincoln & Guba 1985).

Setelah data dokumen dan data temu bual diperoleh, kaedah analisis kandungan dokumen digunakan sekali lagi dalam proses menganalisis data-data ini yang mana hasilnya dikategorikan mengikut kaedah tematik. Terdapat lima komponen yang disusun atur dalam menganalisis data dengan menggunakan kaedah tematik ini yang dimulai dengan penulisan transkrip secara verbatim, pengagihan data mengikut persoalan kajian, pengkategorian isi kandungan data, membina tema kajian dan membuat pengekodan data (Roslan, 2024; 2025).

4.0 KONSEP MAJLIS SULH DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA KANGSAR (MRSKK)

Terma Majlis Sulh berasal daripada dua patah perkataan iaitu majlis dan sulh. Menurut Dewan Bahasa & Pustaka (2012) majlis bermaksud badan yang dilantik atau dipilih, yang mempunyai kuasa mentadbir dan membuat peraturan serta menasihati. Manakala, perkataan sulh pula berasal daripada bahasa Arab yang membawa makna pendamaian. Menurut Jabatan Kehakiman Syariah Perak (1995), Majlis Sulh adalah suatu sesi pengantaraan antara pihak-pihak yang dipengerusikan oleh Pegawai Sulh untuk menyelesaikan kes dengan cara Sulh. Kaedah Sulh ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos dan masa, malahan dapat menyelesaikan sesuatu pertikaian secara terbuka dan sukarela tanpa sebarang campur tangan dari pihak lain. Tambahan lagi, pelaksanaan sulh adalah satu alternatif yang diwujudkan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh pihak berkenaan. Sekiranya Majlis Sulh berjaya mencapai persetujuan terhadap pertikaian secara damai, Pegawai Sulh akan menyediakan perjanjian

penyelesaian untuk ditandatangani oleh pihak-pihak. Perjanjian penyelesaian tersebut akan diendors oleh Yang Arif Hakim sebagai satu perintah mahkamah (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, 1997).

Sulh merupakan sebahagian daripada kaedah penyelesaian kes yang beroperasi di bawah Mahkamah Syariah pada awal tahun 2000, yang mana proses sulh mula dikuatkuasakan bermula di negeri Selangor seterusnya diikuti di negeri-negeri lain (Noor Shamimi, 2023). Bertitik tolak daripada hal ini, terdapat banyak kelebihan yang boleh diperoleh daripada proses sulh. Antaranya, perundingan ketika perbicaraan adalah bersifat adil tanpa didominasi sebelah pihak. Selain itu, sesi sulh dilakukan dengan mematuhi etika kerahsian bagi menjaga maruah dan aib pihak yang terlibat. Proses sulh juga dapat menjimatkan masa dan kos kerana tidak perlu menjalani proses perbicaraan yang mana biasanya mengambil tempoh yang agak lama. Di samping itu, proses sulh ini dilakukan secara mediasi yang mana pihak-pihak akan berbincang mengenai hal pertikaian mereka di hadapan Pegawai Sulh secara sukarela. Kebiasaannya, kes yang memerlukan perkhidmatan sulh memberi tumpuan kepada penyelesaian isu-isu berkaitan masa hadapan agar tidak berbangkit semula. Misalnya, dalam kes hadanah dan nafkah anak, sulh berperanan memastikan penetapan hak penjagaan serta kadar nafkah dipersetujui secara bersama, sekali gus mengelakkan timbulnya pertikaian baharu di kemudian hari. Justeru itu, proses penyelesaian kes akan menjadi lebih cepat dan dapat menyelesaikannya secara baik (Nur Syahirah, 2024).

Manakala dari sudut pandang perundangan Islam, amalan sulh ini dianggap sebagai suatu tindakan yang dianjurkan dan tidak bersifat mengikat untuk dilaksanakan dalam kalangan manusia (In3, komunikasi peribadi, September 4, 2024). Oleh sebab itu, Hakim menggalakkan mereka untuk melalui proses sulh terlebih dahulu agar pihak-pihak mendapat keterangan yang sebenar melalui proses perbincangan. Sulh juga merupakan satu saranan yang telah diperundangkan melalui al-Quran dan al-Sunnah. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud: “... *sulh adalah satu perkara yang baik*” (Surah al-Nisa’, ayat: 128). Ayat ini menceritakan tentang jika seorang wanita khuatir akan nusyuz daripada sifat suaminya, maka tidak mengapa bagi mereka mengadakan perdamaian kerana perdamaian adalah baik.


Hal ini disokong lagi dalam firman Allah SWT yang bermaksud: “*dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya*” (Surah Al-Hujurat, ayat: 9). Manakala sunnah pula sebagaimana ia disandarkan kepada sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*perdamaian (sulh) atau kompromi adalah perkara harus antara orang-orang Islam, kecuali sulh untuk menghalalkan perkara yang haram atau mengharamkan perkara yang halal*” (Hadith Riwayat Ibn Hibban). Hal ini jelas menunjukkan bahawa sulh tidak boleh melampaui batas syariah. Sekiranya sulh itu membawa kepada menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal, maka ia batil dengan ijma’ ulama (Al-Nawawi, 2009).

Justeru, Majlis Sulh dilaksanakan sebagai mekanisme penyelesaian perselisihan secara harmoni melalui persetujuan bersama yang dicapai dengan cepat serta menjimatkan kos dan masa. Hasilnya, pihak-pihak terlibat dapat mengelakkan permusuhan berpanjangan, meskipun terdapat keadaan tertentu yang menyebabkan tidak semua kes dapat diselesaikan secara langsung. Namun demikian, majoriti kes di MRSKK yang dirujuk untuk proses sulh kebiasaannya berjaya diselesaikan dengan mudah dan berkesan. Keberkesanan ini memperlihatkan keupayaan Pegawai Sulh dalam mengendalikan proses perbincangan yang sistematik serta berteraskan prinsip saling menghormati. Malah, kejayaan tersebut turut menunjukkan bahawa sulh berperanan sebagai instrumen penting dalam mempercepatkan perjalanan penghakiman syariah. Oleh itu, penelitian lanjut akan dibuat

terhadap jenis kes yang sering diselesaikan serta kaedah yang digunakan oleh Pegawai Sulh bagi memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang keberkesanan mekanisme ini.

5.0 ANALISIS KEBERKESANAN MAJLIS SULH DAN KAEDAH YANG DIGUNAKAN DALAM PENYELESAIAN KES-KES DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUALA KANGSAR (MRSKK)

Secara umumnya, kaedah penyelesaian melalui konsep Sulh telah menunjukkan kesan yang memberangsangkan. Kajian JKSM pada tahun 2002 mendapati kaedah ini berjaya mengurangkan hampir 65% kes di Mahkamah Syariah Selangor sejak ia diperkenalkan pada tahun 2001 (Nur Khalidah, 2017). Begitu juga di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak (JKSPk) termasuklah MRSKK yang mana sebanyak 85% kes dapat diselesaikan melalui sulh (In2, komunikasi peribadi, Julai 7, 2024). Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat tiga kes yang sering berjaya diselesaikan di MRSKK melalui Majlis Sulh iaitu, cerai biasa di bawah seksyen 47, hadanah (hak penjagaan anak) di bawah seksyen 82, dan tuntutan nafkah anak di bawah seksyen 74. Manakala, terdapat dua kaedah yang berjaya digunakan dalam menyelesaikan kes-kes melalui Majlis Sulh iaitu dengan menggunakan kaedah mediasi dan pendekatan Kaunseling Islami. Rajah 1 di bawah adalah dapatan kajian secara umum seperti gambar rajah di bawah sebelum perbincangan dapatan khusus diperincikan dalam subtopik seterusnya:



Rajah 1 Dapatan Kajian (Umum)

6.0 KES-KES YANG BERJAYA MELALUI MAJLIS SULH DI MRSKK

6.1 Kes Cerai Biasa (Seksyen 47)

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2012), istilah *cerai* ditakrifkan sebagai perpisahan atau perpecahan, manakala istilah *biasa* pula merujuk kepada sesuatu yang sediakala, kerap kali atau lazim berlaku. Gabungan kedua-dua perkataan ini membentuk istilah *perceraian biasa*, yang membawa maksud perceraian yang berlaku melalui persetujuan bersama antara pihak-pihak yang terlibat. Perceraian tersebut berlaku secara harmoni kerana segala aib pihak-pihak tidak akan dibuka semasa perbincangan. Selain itu, perceraian juga sering dinisbahkan kepada talak yang bermaksud melepaskan dan terlepas. Dari segi syarak, perceraian ialah merungkai ikatan perkahwinan dengan lafaz talak dan sebagainya (Razali, 2022). Menurut Hasanuddin (2020), tuntutan perceraian mengikut Seksyen 47 Enakmen Keluarga Islam Perak 2004 boleh dilaksanakan ketika kedua-dua pihak suami dan isteri bersetuju untuk bercerai secara baik atau

suami memutuskan untuk menceraikan isterinya dengan lafaz talak setelah dibenarkan di hadapan Hakim. Tambahan lagi, sistem perceraian ini lebih dikenali sebagai perceraian secara talak dengan persetujuan bersama kedua suami isteri.

Menurut Sharina (2024), statistik perceraian yang direkod menunjukkan semakin meningkat saban hari. Dapatan kajian yang dilaporkan oleh Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Rohani Abdul Karim menyatakan bahawa, sebanyak 56.2% berlakunya perceraian akibat tiada persefahaman dengan pasangannya, kes curang pula sebanyak 11.8% dan campur tangan pihak ketiga yang terdiri daripada ahli keluarga seperti mentua atau ipar-duai 10%. Rata-rata perceraian adalah titik terakhir penyelesaian kepada perselisihan pasangan suami isteri ketika mana tidak ada cara lain yang boleh mengatasinya (Sharifah, 2005). Manakala di negeri Perak khususnya di Kuala Kangsar pula, cerai biasa merupakan salah satu kes yang tertinggi didaftarkan jika dibandingkan dengan kes-kes yang berlaku di MRSKK. Kebiasaan kes cerai biasa juga merupakan kes yang berjaya diselesaikan dalam Majlis Sulh tanpa perlu dipanjangkan perbicaraan di hadapan Hakim (In5, komunikasi peribadi, September 4, 2024).

Kes cerai biasa ini mudah untuk diselesaikan oleh Majlis Sulh di MRSKK adalah kerana lazimnya pihak-pihak yang terbabit bersetuju untuk cerai kerana tiada persefahaman antara mereka. Hal ini disokong oleh In2 (komunikasi peribadi, Julai 7, 2024) bahawa kes cerai biasa ini mudah diselesaikan kerana sering berpunca daripada pergaduhan-pergaduhan kecil mahupun besar dan kemudiannya bersetuju untuk bercerai. Sebagai contoh punca berlakunya perceraian ini berdasarkan nombor kes 2407-L0508-151-0319 adalah bermula daripada pergaduhan dan kemudian tiada persefahaman dan perasaan antara pihak-pihak. Kes tersebut dipanjangkan di hadapan Hakim untuk kebenaran lafaz cerai serta merekodkan persetujuan pihak-pihak. Hal ini disokong oleh Yulmina (2019), dalam kajian beliau menyatakan bahawa terdapat macam-macam alasan perceraian yang diajukan kepada Hakim semasa permohonan cerai. Hal ini menunjukkan bahawa dengan alasan yang dikemukakan tersebut merupakan persetujuan daripada pihak-pihak sekali gus memudahkan urusan perceraian.

Selain itu, kes cerai biasa ini juga dikatakan mudah untuk diselesaikan dalam Majlis Sulh adalah disebabkan berlakunya perbalahan (*shiqaq*) antara suami dan isteri. Meneliti daripada catatan yang direkodkan oleh Pegawai Sulh MRSKK, kes 2407-L0508-151-0325 adalah perceraian secara persetujuan akibat tiada persefahaman dan sering kali berlakunya *shiqaq* antara pihak-pihak. Selalunya, Hakim akan mengendors sahaja keputusan daripada permohonan tersebut. Kes tersebut didapati mudah untuk diselesaikan dalam Majlis Sulh tanpa perlu perbicaraan panjang di hadapan Hakim adalah kerana pihak-pihak tidak ingin bersama lagi dan memutuskan untuk berpisah secara baik dengan persetujuan bersama. Hal ini menunjukkan bahawa tujuan perceraian secara persetujuan dilaksanakan untuk membantu pihak-pihak dipisahkan dengan segera agar dapat menjalani kehidupan yang lebih aman dan damai (Norizan Razali, 2021). Rumusannya, cerai biasa merupakan kes yang mudah diselesaikan di Majlis Sulh kerana berlakunya persetujuan untuk cerai, tidak sefahaman dan berlaku *shiqaq* antara pihak-pihak yang memohon.

6.2 Kes Tuntutan Nafkah Anak (Seksyen 74)

Merujuk Dewan Bahasa & Pustaka (2012), tuntutan adalah sesuatu yang dituntut, permintaan dengan mendesak supaya dilakukan sesuatu. Nafkah pula merujuk kepada segala sesuatu yang dibelanjakan kepada orang yang wajib ditanggung perbelanjaannya berupa makanan, pakaian, tempat tinggal, dan selainnya (Al-Nawawi, 2009). Menurut Badra (2023), nafkah ialah mengeluarkan belanja atau sara hidup kepada mereka yang wajib ke atas seseorang sama ada

isteri, anak dan orang-orang yang berada di bawah tanggungannya. Ia juga termasuk dari segi keperluan tempat tinggal, makanan, pakaian, pendidikan, keagamaan dan perubatan. Islam menetapkan pemberian nafkah hendaklah berdasarkan kadar yang mencukupi dan baik. Hal ini berkait rapat dengan nafkah anak dan nafkah isteri kepada lelaki yang bergelar bapa atau suami berasaskan dalil pensyariatan dalam al-quran yang bermaksud: *“laki-laki (suami) itu pelindung bagi perempuan (isteri), kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (perempuan), dan kerana mereka (laki-laki) telah memberikan nafkah dan hartanya”*. (Surah al-Nisa’, ayat: 34). Ayat ini menekankan bahawa nafkah anak adalah di bawah tanggungjawab bapa melainkan bapa tersebut telah meninggal dunia atau hilang keupayaan, maka tanggungan membayar nafkah berpindah mengikut susunan tertib wali (Tafsir, 2016).

Menurut In1 (komunikasi peribadi, Ogos 16, 2024), tuntutan nafkah anak adalah perintah wajib dalam Islam. Tuntutan berkenaan juga berkuat kuasa sehingga umur anak mencecah 18 tahun dan boleh dilanjutkan sekiranya anak tersebut menyambung pelajaran di peringkat Institut Pengajian Tinggi. Sekiranya pihak-pihak ingin menamatkan pemberian nafkah, pihak terbabit perlu membuat permohonan dan memaklumkan bahawa anak tersebut sudah bekerja atau bukan berada dalam tanggungannya lagi. Hal ini berkait rapat dengan kenyataan Jabatan Bantuan Guaman (1992) yang menyatakan bahawa perintah nafkah anak berkuat kuasa sehingga umur 18 tahun atau sehingga tempoh yang diperintahkan oleh Mahkamah. Bagi anak perempuan pula, perintah nafkah tersebut akan terus berkuat kuasa selagi belum berkahwin. Pelaksanaan nafkah boleh diberikan melalui pembayaran secara tunai atau potongan gaji (In1, komunikasi peribadi, Ogos 16, 2024). Apabila isu tuntutan nafkah ini tidak boleh diselesaikan di antara suami isteri, maka penyelesaian terakhir adalah menemukan orang tengah untuk menyelesaikannya melalui Majlis Sulh. Majlis Sulh akan membuat perbincangan serta menetapkan sejumlah amaun untuk pembayaran nafkah.

Kebiasaannya, tuntutan nafkah anak ini merupakan kes yang kadangkala mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Kes seperti ini turut dikendalikan oleh Majlis Sulh di MRSKK sebagai jalan alternatif bagi menyelesaikan pertikaian sekali gus dapat menjimatkan masa dan kos. Ia berjaya diselesaikan dalam Majlis Sulh adalah kerana pihak-pihak bersetuju dengan suatu amaun yang ditawarkan bagi suatu tuntutan (In5, komunikasi peribadi, September 4, 2024). Sebagai contoh dalam kes 2408-L0508-251-0375 menyatakan bahawa, tuntutan nafkah anak kebiasaannya pihak-pihak akan berbincang dan dipengerusikan oleh seorang Pegawai Sulh bagi mendapatkan suatu persetujuan antara mereka berkaitan dengan perbelanjaan anak. Hal ini disokong oleh Fathin Shahirah (2023), yang turut menyatakan bahawa tuntutan nafkah anak adalah kes yang perlu melalui Majlis Sulh dan boleh diselesaikan sekiranya terdapat persetujuan antara pihak-pihak yang bertikai. Merujuk kes tersebut, isteri memperuntukkan nafkah anak sebanyak RM500 sebulan. Namun, pihak suami tiada kemampuan untuk membayar tuntutan sebanyak itu, maka suami menawarkan bayaran sebanyak RM 300 sebulan dan pihak-pihak bersetuju dengan tuntutan nafkah anak di bawah seksyen 74 Ekip 2004. Oleh itu, kes tersebut berjaya diselesaikan hanya di peringkat Majlis Sulh sahaja.

Selain itu, kes tuntutan nafkah anak ini sering kali berjaya diselesaikan dalam Majlis Sulh di MRSKK adalah disebabkan daripada sikap pihak-pihak yang memberikan kerjasama dari segi kehadiran, konsisten dalam menyelesaikan masalah dan berusaha untuk menyelesaikan pertikaian secara baik (In3, komunikasi peribadi, September 4, 2024). Merujuk kepada kes 2407-L0508-251-0334, isteri menuntut nafkah anak seramai tiga orang dengan bayaran sebanyak RM300 bagi setiap seorang. Suami menerima dan bersetuju dengan tuntutan tersebut bahkan kelengkapan tahunan juga akan ditanggung. Nafkah anak yang diberikan adalah menunjukkan

tanggungjawab dan sifat kasih sayang seorang ayah atau bekas suami. Menurut Badruddin & Azizah (2013), bapa bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberikan nafkah kepada anaknya dan tanggungjawab ini tidak dikongsi dengan orang lain. Catatan Sulh menyatakan Plaintiff dan Defendan bersetuju dengan tuntutan nafkah anak berdasarkan seksyen 74 (1) EKIP 2004 (Warta Kerajaan Negeri Perak, 2004). Rumusannya, tuntutan nafkah anak merupakan kes yang sering berjaya dalam Majlis Sulh disebabkan persetujuan pihak-pihak dan sikap memberi kerjasama yang baik dalam menyelesaikan sesuatu isu.

6.3 Kes Hadanah (Seksyen 82)

Menurut al-Nawawi (2009), hadanah bermaksud menjaga anak kecil dan mendidiknya dengan sesuatu yang memberi kebaikan kepadanya serta melindunginya daripada perkara yang memudaratkannya. Perkataan hadanah menurut Shereen (2022), berasal daripada bahasa Arab yang mendefinisikan sebagai merawat, mengasuh dan memeluk. Kata lainnya bermaksud penjagaan kanak-kanak yang masih kecil dan belum mumaiyiz. Menurut Fatiha (2024), kes perebutan hak penjagaan anak acap kali terjadi hari demi hari dalam kalangan suami isteri yang sudah bercerai. Zulfah (2019) menerangkan tentang individu yang paling layak mendapat hak jagaan anak ialah ibu. Menurut Seksyen 82. (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Perak 2004, ibu adalah individu yang paling berhak terhadap hak hadanah anak kecilnya dalam tempoh perkahwinan dan selepas pembubaran perkahwinan berlaku. Hal ini berkemungkinan kerana wanita lebih dikenali dengan sifat lemah lembut, lemah tenaga fizikal jika dibandingkan dengan lelaki, serta dianugerahkan keistimewaan dengan perasaan naluri keibuan yang penyayang dan perasaan belas ihsan terhadap anak-anak. Justeru ibu adalah individu yang bertanggungjawab menjaga, mengurus dan mengatur anak-anak (Noor, 2012).

Namun begitu, meskipun ibu adalah paling layak mendapat hak penjagaan anak, mahkamah akan meneliti dari sudut kelayakan individu tersebut (Zanariah, 2004). Setiap enakmen negeri telah meletakkan syarat-syarat tertentu yang menjadi kriteria kelayakan seseorang untuk menjadi pengasuh. Begitu jugalah dalam Warta Kerajaan Negeri Perak (2004) yang menyatakan bahawa, kelayakan yang perlu untuk menjalankan hak terhadap hadanah adalah seperti beragama Islam, sempurna akal, individu yang layak memberikan kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang, berkelakuan baik dari segi akhlak Islamiyyah dan tempat tinggal yang tidak mungkin kanak-kanak itu menghadapi perkara buruk dari segi akhlak dan jasmani. Islam amat menitik beratkan perkara ini bagi tujuan menjamin kemaslahatan dan kebajikan anak tersebut sekiranya diserahkan kepada seseorang untuk menjaganya. Walau bagaimanapun menurut Jabatan Bantuan Guaman (1992), sekiranya seorang ibu hilang kelayakan hak penjagaan anaknya, maka susunan keutamaan kepada yang layak dalam penjagaan anak adalah dimulai dengan nenek sebelah ibu, bapa, nenek sebelah bapa, kakak atau adik perempuan seibu sebapa, emak saudara sebelah ibu, emak saudara sebelah bapa, waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai asabah dengan syarat orang yang menjaga tidak akan menjejaskan kebajikan anak tersebut.

Kes hadanah juga termasuk dalam kategori kes yang selalu diselesaikan di MRSKK melalui proses sulh. Menurut In2 (komunikasi peribadi, Julai 7, 2024), kes hadanah ini dikatakan mudah untuk diselesaikan adalah kerana lazimnya pihak-pihak berkaitan bersetuju dengan suatu perjanjian yang mana hak penjagaan anak diberikan kepada ibu. Buktinya seperti dalam kes bernombor 2405-H0408-231-0059 yang berjaya diselesaikan oleh Majlis Sulh dengan membuat perjanjian antara pihak-pihak bagi mendapatkan suatu persetujuan. Anak-anak diberikan kepada Plaintiff (ibu) manakala Defendan (bapa) bersetuju dengan keputusan yang diberikan. Maka dengan itu, dinyatakan bahawa proses sulh di antara pihak-pihak adalah

berjaya dan dibawa ke hadapan Hakim bagi tujuan pengendorsan di bawah seksyen 82 EKIP 2004. Tujuan hadanah adalah secara tidak langsung untuk menjaga masalah dan kebajikan kanak-kanak dan ia sangat penting kerana mampu mempengaruhi masa depan kanak-kanak tersebut (Amylia Fuziana Azmi & Ruzita Ramli, 2023).

Selain itu, kes hadanah ini sering mudah diselesaikan dalam Majlis Sulh di MRSKK adalah disebabkan pihak-pihak telah dinasihatkan oleh para peguam dengan saranan yang berhikmah. Menurut In4 (komunikasi peribadi, September 4, 2024), lazimnya dalam kes hadanah terdapat peguam yang dilantik untuk mengemukakan pembelaan bagi pihak anak guam. Sehubungan itu, peguam berperanan menasihati anak guamnya bahawa seorang bapa tidak semestinya berhak sepenuhnya terhadap hak penjagaan anak di bawah umur. Hal ini disokong Nur Zulfah (2019) dalam kajiannya berkaitan kes hadanah yang mana beliau menyatakan bahawa ibu adalah seorang yang paling berhak menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan selepas perkahwinannya dibubarkan. Seperti dalam kes bernombor 2406-H0408-231-0069 yang mana pihak suami (bapa) bersetuju hak penjagaan anak diberikan sepenuhnya kepada bekas isteri (ibu) dengan nasihat peguam yang bertugas. Dengan itu, keputusan yang dibuat oleh Pegawai Sulh bagi kes tersebut dianggap berjaya dan seterusnya dirujuk kepada Yang Arif Hakim untuk tujuan pengendorsan.

Rumusannya, kes hadanah adalah antara kes yang tertinggi selain cerai biasa dan tuntutan nafkah anak yang berjaya dalam Majlis Sulh. Kesemuanya mempunyai alasan dan justifikasi tersendiri yang menjadikan ketiga-tiga kes ini lazimnya dapat diselesaikan dengan lebih efisien hanya melalui proses sulh. Hal ini menjadikan perbicaraan kes-kes tersebut tidaklah berlaku terlalu panjang di hadapan hakim, bahkan hakim hanya mengendors keputusan yang telah diselesaikan awal melalui proses sulh. Namun ia pasti disusuli dengan kaedah yang tertentu sehingga kes-kes tersebut berjaya diselesaikan dan perincian kaedah-kaedah yang digunakan adalah dibincangkan dalam subtopik seterusnya.

7.0 KAEDAH YANG DIGUNAKAN DALAM KEBERKESANAN MAJLIS SULH

7.1 Mediasi

Dapatan menunjukkan terdapat dua kaedah yang berjaya digunakan oleh Pegawai Sulh dalam penyelesaian kes-kes di MRSKK iaitu melalui kaedah mediasi dan pendekatan Kaunseling Islami. Walaupun kebanyakan kes menggunakan kedua-dua pendekatan ini dalam Majlis Sulh, namun tidak semua kes berjaya diselesaikan. Faktor cara pengendalian kaedah yang digunakan oleh Pegawai Sulh turut menjadi punca utama terhadap penyelesaian kes bagi pihak-pihak. Proses mediasi merupakan kaedah pertama yang digunakan di Mahkamah Syariah sebagai jalan keluar untuk menyelesaikan pertelingkahan dalam sesi kekeluargaan secara perdamaian. Menurut In2 (komunikasi peribadi, Julai 7, 2024), mediasi dalam Majlis Sulh di MRSKK adalah bagi mempercepatkan urusan pihak-pihak dalam penyelesaian sesuatu kes. Selain itu, ia dapat mengurangkan kes-kes yang tertunggak di mahkamah (Hendun Abd Rahman, 2022).

Mediasi menurut Dewan Bahasa & Pustaka (2012) adalah merujuk kepada pengantaraan dan menjadi pengantara. Perkataan mediasi berasal daripada bahasa Latin “*mediere*” yang bermaksud berada di tengah. Menurut Annisa (2024), mediasi ialah proses yang melibatkan pihak ketiga dalam penyelesaian suatu perselisihan sebagai nasihat kepada pihak-pihak. Hal ini disokong oleh In2 (komunikasi peribadi, Julai 7, 2024), yang menyatakan mediasi merupakan suatu perbincangan antara pihak-pihak yang diadili Pegawai Sulh bagi

menyelesaikan suatu pertikaian. Tambahan lagi, kebiasaannya kaedah mediasi itu akan diberi peruntukan masa yang sama antara pihak-pihak. Sebagai contoh, pihak yang menuntut itu diberikan masa yang sama untuk menerangkan berkenaan tuntutan mereka sama seperti pihak yang dituntut juga diberikan ruang dan masa yang sama untuk menyatakan pendiriannya serta perkara yang berkaitan (In2, komunikasi peribadi, Julai 7, 2024). Bagi memelihara aspek keselamatan serta maruah pihak-pihak yang terlibat, proses perbincangan boleh dijalankan secara berasingan dan dalam suasana tertutup. Pelaksanaan perbincangan berasingan ini hendaklah berlandaskan persetujuan bersama, agar penyelesaian pertikaian dapat dicapai dalam suasana yang lebih harmoni.

Kaedah mediasi yang digunakan dalam penyelesaian kes-kes dalam Majlis Sulh di MRSKK itu mempunyai manfaat tersendiri. Ia dilaksanakan oleh Mediator yang terdiri daripada barisan Hakim atau Pegawai Kehakiman (In1, komunikasi peribadi, Ogos 16, 2024). Kaedah mediasi ini juga menerapkan kaedah “*win-win situation*” yang membawa maksud tiada pihak yang akan kalah kerana persetujuan untuk penyelesaian dicapai secara sukarela. Menurut Mohd Asri (2024), pengendalian kes di bawah Majlis Sulh ini tidak mempunyai kalah dan menang kerana ia merupakan proses perbincangan bagi mendapatkan persetujuan bersama. Hal ini disokong oleh Eriska Tiara Rosa Mayora & Hudi Yusuf (2024) yang turut menyatakan bahawa, pihak-pihak yang terlibat dapat membincangkan permasalahan dengan bimbingan Pegawai Sulh bagi mencapai suatu kesepakatan yang memberikan manfaat bersama (*win-win situation*). Sebagai contoh dalam kes 2408-L0508-251-0375 di MRSKK berkenaan Tuntutan Nafkah Anak yang mana pihak ibu meminta sejumlah harga perbelanjaan buat anak, sedangkan si bapa tidak mampu dan menawarkan jumlah mengikut kemampuannya. Maka, keputusan daripada kes yang dipertikaikan itu diselesaikan dengan hanya persepakatan bersama.

Tambahan lagi selain daripada kaedah *win-win situation*, terdapat kaedah lain yang diaplikasikan oleh Pegawai Sulh dalam proses mediasi iaitu kaedah *common ground* (titik persamaan). Menurut Kardi Kho (2022), *common ground* adalah sesuatu yang menjadi persamaan antara pihak-pihak dan memiliki beberapa persamaan yang dapat dijadikan dasar untuk menimbulkan rasa percaya. Bagi mencapai suatu persetujuan antara pihak-pihak, kaedah *common ground* menjadi asas kepada semua pihak untuk mencapai persefahaman bersama dan itulah falsafah mediasi (In2, komunikasi peribadi, Julai 7, 2024). Sebagai contoh dalam kes 2406-H0408-231-0069 di MRSKK berkenaan Hadanah yang mana Pegawai Sulh akan mendapatkan titik persamaan dalam perbincangan antara Plaintiff dan Defendan bagi menampakkan perkara sebenar yang mereka terlepas pandang atau di luar pengetahuan mereka. Secara tidak langsung, kaedah ini sangat membantu dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku di antara pihak yang bertikai.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa mediasi ini merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh Pegawai Sulh dalam sesi penyelesaian masalah antara pihak-pihak yang bertikai. Proses mediasi yang dijalankan juga amat menitik beratkan etika kerahsiaan demi menjaga kehormatan dan maruah. Menurut Ghazali (2002) dalam Manual Kerja Sulh, Pegawai Sulh hendaklah merahsiakan segala perkara yang dibangkitkan dalam Majlis Sulh dan tidak boleh mendedharkannya kepada mana-mana pihak termasuklah mahkamah selepas Majlis Sulh selesai sama ada ia berjaya atau sebaliknya. Di samping itu, pengkaji juga dapat menemukan cara penyelesaian kes daripada kaedah mediasi ini seperti kaedah *win-win situation* (proses persetujuan bersama) dan kaedah *common ground* (titik persamaan). Kaedah mediasi ini adalah penyelesaian pertikaian alternatif yang merupakan salah satu langkah yang efektif dalam menyelesaikan kes. Hal ini kerana, konsep utama yang diterapkan adalah memenuhi keperluan semua pihak sejajar dengan matlamat yang diaplikasikan dari kaedah ini.

7.2 Pendekatan Kaunseling Islami

Kaunseling menurut Dewan Bahasa & Pustaka (2012) ialah proses teratur yang melibatkan perbincangan yang rapi tentang masalah yang dihadapi oleh seseorang dan usaha mengatasi atau menyelesaikan menerusi bimbingan dan nasihat. Ia merujuk kepada suatu proses bantuan yang melibatkan pihak yang memberi bantuan dengan pihak yang menerima bantuan dalam keadaan suasana yang harmoni. Tujuan utama pendekatan kaunseling Islami adalah memberi pertolongan mengenai sesuatu perkara yang menyebabkan seseorang perlu kepada bimbingan dan kaunseling (Hanan Syafawi, 2024). Hal ini selari dengan ajaran Islam yang menyeru umatnya untuk melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta membetulkan manusia (*amar ma'ruf wa nahi munkar, wa islah bayna an-nas*). Hal ini bersesuaian dengan firman Allah yang bermaksud “Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru kepada kebajikan dan menyuruh berbuat kebaikan, serta melarang daripada segala yang buruk dan keji. Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang berjaya”. (Surah al-Imran, ayat: 104). Selain kaedah mediasi, pendekatan Kaunseling Islami juga turut diterapkan oleh Pegawai Sulh di MRSKK sebagai satu kaedah menasihati yang dijalankan secara profesional bagi tujuan mendapat penyelesaian antara pihak-pihak.

Kaedah ini telah memberi tindak balas yang positif berdasarkan daripada penelitian pengkaji terhadap kes yang berjaya diselesaikan. Terdapat beberapa ciri Kaunseling Islami yang telah digariskan antaranya ialah menasihati pihak-pihak dengan pendekatan Islam. Keberkesanan kaedah ini adalah ternyata berjaya kerana ia memberi nasihat atau jalan keluar kepada pihak-pihak yang bersengketa untuk meraih suatu perdamaian secara harmoni demi menjaga kemaslahatan masing-masing (In4, komunikasi peribadi, September 4, 2024). Hal ini dapat dikaitkan dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Agama itu merupakan nasihat”. Hadith Riwayat Muslim (55), Abu Daud (4944) dan al-Nasa’I (7/156). Oleh itu, ia bertepatan dengan kaedah yang dilakukan oleh Pegawai Sulh yang menjadi orang tengah dalam memberi nasihat kepada pihak yang bertikai ketika menyelesaikan sesuatu permasalahan yang berlaku melalui kaedah pendekatan Kaunseling Islami di MRSKK.

Antara kes yang berjaya diselesaikan dalam Majlis Sulh ini dengan menggunakan pendekatan ini adalah seperti kes bernombor 2312-L0508-221-0576 berkenaan dengan Nafkah Iddah. Nafkah Iddah pada asalnya dipanggil ganti nafkah diri dan khusus untuk talak raj’ie (Asri Saleh, 2024). Menurut Husnul Khitam (2020), nafkah iddah adalah wajib dibayar oleh bekas suami kepada bekas isteri sepanjang tempoh iddah sama ada tiga bulan atau sehingga anak lahir. Pihak isteri telah menuntut nafkah iddah sebanyak RM1000 sebulan selama tempoh iddah. Namun, ia berada di luar kemampuan suami. Melalui pendekatan Kaunseling Islami, Pegawai Sulh dapat memberi nasihat dan jalan keluar dari masalah terbabit kepada pihak-pihak dengan mencadangkan bayaran mengikut kemampuan seperti yang digariskan dalam Islam. Tambahan lagi, pegawai terbabit turut mengaitkan keutamaan menjaga kemaslahatan kedua-dua belah pihak dalam nasihat yang telah diberikan. Sekiranya bekas isteri setuju, maka kes tersebut akan diendorses perjanjian persetujuan sebagai perintah.

Selain itu, menasihati pihak-pihak dengan berhikmah turut termasuk dalam pendekatan Kaunseling Islami seperti yang diamalkan oleh Pegawai Sulh di MRSKK. Hikmahnya ialah merujuk kepada kebijaksanaan daripada Allah. Ia dikaitkan dengan dakwah Islam yang dijalankan mestilah dengan penuh kebijaksanaan serta bertepatan dengan budaya dan persekitaran (Kamus Dewan Bahasa & Pustaka, 2012). Menurut Mohamed Sharif Mustaffa, Roslee Ahmad & Sulaiman Shakib (2003), hikmah yang berkaitan dengan sifat kaunselor adalah seperti sifat-sifat nabi iaitu benar, amanah, menyampaikan dan bijaksana. Hal ini selari dengan

apa yang telah diterapkan oleh Pegawai Sulh di MRSKK dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian dengan penuh hikmah dan bijaksana. Contohnya seperti kes tuntutan muta'ah iaitu dikaitkan dengan suatu pembayaran sagu hati yang diberikan oleh bekas suami kepada bekas isterinya selepas mereka bercerai sama ada berupa wang atau barang (In1, komunikasi peribadi, Ogos 16, 2024). Sekiranya perceraian itu berlaku bukan disebabkan oleh kesalahan pihak bekas isteri, maka wajib bagi pihak bekas suami untuk membuat bayaran muta'ah tersebut. Pegawai Sulh yang bertanggungjawab telah berusaha melakukan penelitian mendalam dengan kebijaksanaannya bagi memastikan dakwaan pihak-pihak adalah tepat sebelum memutuskan bayaran muta'ah.

Seterusnya, sifat sabar dan tenang juga tergolong dalam ciri Kaunseling Islami dalam menyelesaikan permasalahan yang berlaku antara pihak-pihak. Sabar dan tenang merupakan sifat-sifat *mahmudah* yang wajib ada dalam diri seorang Pegawai Sulh kerana bagi mengawal emosi dan keadaan jika timbul sebarang masalah, konflik dan ketegangan (Mustafa, 1998). Hal ini bertepatan dengan kaedah yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sebagai seorang ahli psikologi dan kaunselor dalam usaha menyelesaikan permasalahan para sahabat (Nik Yusri & Ruzaini, 2018). Hal ini selari dengan kisah yang diceritakan bagaimana seorang lelaki datang berjumpa dengan Rasulullah SAW serta meminta izin untuk berzina umpamanya (Musnad Ahmad, 21185). Ketenangan Rasulullah SAW dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemuda melalui cara komunikasi yang amat sempurna itu telah menginsafkan dan meredakan jiwa pemuda tersebut. Ciri ini juga dicontohi dan diamalkan oleh Pegawai Sulh dalam kebanyakan kes di MRSKK walaupun sering berhadapan dengan pertengkaran dan pertelingkahan apabila bertemu pihak-pihak terbabit (In1, komunikasi peribadi, Ogos 16, 2024). Kesabaran dan ketenangan yang tinggi amat diperlukan oleh seseorang Pegawai Sulh bertugas agar kes yang sedang diselesaikan dapat menemui titik persefahaman bersama demi meraikan maslahat kedua-dua pihak.

Rumusannya, pengkaji mendapati bahawa pendekatan Kaunseling Islami ini merupakan suatu pendekatan yang turut digunakan oleh Pegawai Sulh sebagai cara menyelesaikan isu yang berbangkit antara pihak-pihak. Terdapat tiga ciri Kaunseling Islami yang telah diamalkan oleh Pegawai Sulh di MRSKK adalah menasihati secara baik, mengajak kepada kebaikan dengan penuh hikmah dan menyelesaikan sesuatu pertikaian dengan penuh kesabaran dan ketenangan. Kesemua pendekatan Kaunseling Islami yang diterapkan oleh Pegawai Sulh bertugas turut disokong oleh Najwa Norizam (2021) yang menyatakan bahawa, bagi teknik kaunseling Islami yang sebenar ialah dengan menasihati secara berhikmah, perbincangan yang baik, taqwa, taubat, tafakur, mengerjakan solat dan berdoa. Seseorang itu perlulah menggunakan pendekatan yang berhikmah (bijaksana dan tepat) serta mengungkapkan tutur kata yang baik jika berhadapan secara bersemuka (Zuraimy Ali, 2022). Pendekatan Kaunseling Islami ini secara langsung memberikan panduan atau dorongan dalam menyelesaikan suatu masalah mengikut cara Islam yang mana pada akhirnya dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

8.0 KESIMPULAN

Tuntasnyaa, Majlis Sulh ialah suatu sesi pengantaraan antara pihak-pihak yang bertikai yang dipengerusikan oleh Pegawai Sulh bagi menyelesaikan suatu persengketaan dengan cara sulh. Sulh melibatkan proses perundingan dipimpin dengan memberi peluang kepada pihak-pihak mencapai persetujuan bersama secara sukarela tanpa ada campur tangan pihak lain. Perkhidmatan sulh ini telah menunjukkan keberkesanan dalam menyelesaikan kes dengan cepat dan sekali gus mengelakkan perbicaraan yang panjang serta menjimatkan kos. Namun begitu, tidak semua kes berjaya diselesaikan dalam Majlis Sulh dan ia bergantung kepada kebijaksanaan dan kaedah yang

digunakan oleh Pegawai Sulh termasuklah di MRSKK. Dapatan menunjukkan terdapat tiga kes tertinggi yang berjaya diselesaikan melalui Majlis Sulh di MRSKK iaitu Cerai Biasa (*Seksyen 47*), Tuntutan Nafkah Anak (*Seksyen 74*) dan Hadanah (*Seksyen 82*). Selain itu, terdapat dua kaedah yang berjaya digunakan dalam Majlis Sulh di MRSKK iaitu Mediasi dan Pendekatan Kaunseling Islami. Kajian ini mencadangkan supaya Pegawai Sulh bertugas dapat memperluaskan lagi kaedah sulh yang digunakan agar bersesuaian sebagai cara baharu dalam menguruskan Majlis Sulh. Sehubungan dengan itu, kajian lanjutan diperlukan untuk melihat kaedah lain yang sesuai digunakan seperti pendekatan restoratif, kaunseling berasaskan Maqasid Syariah, teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses sulh dan lain-lain bagi menyelesaikan kes-kes dalam Majlis Sulh di mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia khususnya di MRSKK.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) atas penerbitan artikel ini bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Syariah Gunaan di Universiti Sultan Azlan Shah (USAS). Terima kasih juga kepada Dr. Muhammad Mustaqim bin Roslan atas bimbingan yang diberikan dalam melengkapkan artikel ini hingga ia berjaya diterbitkan, serta para informan dalam kalangan Hakim MRSKK, Pegawai Sulh dan Pembantu Pendaftar yang berkongsi maklumat bagi menjayakan kajian ini.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Jabatan Kehakiman Syariah Perak. (1995). Perkhidmatan Majlis Sulh. Retrieved from <https://jksn.perak.gov.my>. Accessed on 12 August 2024.
- Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. (1997). Fungsi Seksyen Sulh dalam Mahkamah Syariah. Retrieved from <https://www.mswp.gov.my>. Accessed on 12 August 2024.
- Al-Nawawī, Z. Y. (2009). *Al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab: Bab Nikah dan Shadaq (Mas Kawin)*. (Al-Muti', M. N., Trans.). Pustaka Azzam.
- Annisa. (2024). Mediasi Adalah: Dasar Hukum, Tujuan Dan Jenis. *Fakultas Hukum*.
- Aqil, M. (2024, Julai 7). (Mifzal Arif, Interviewer).
- Ayub, N. S. (2024). Isu dan Prosedur Perceraian di Mahkamah Syariah Malaysia. Abdul, Low & Partners. Retrieved from <https://www.abdulloow.com>. Accessed on 12 August 2024.
- Azmi, A. F. (2023). Merungkai Isu Hadanah: Pemerhatian Prosedur Pelaksanaan Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. *UiTM Institutional Repository*, 15-20.
- Badra. (2023, March 10). Nafkah Isteri dan Anak Selepas Perceraian. eCentral. Retrieved from <https://ecentral.my/nafkah-isteri-anak/>. Accessed on 12 August 2024.
- Badruddin, A. (2013). Hak Anak terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh Manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya. *Kanun*, 255-272.
- Eriska Tiara Rosa Mayora, H. Y. (2024). Kebijakan Hukum Penyelesaian Sengketa Medis Melalui Restorative Justice Nonlitigasi Mediasi Pendekatan Win-Win Solution. *Jurnal Intelek dan Cendekiaman Nusantara*, 2516-2527.

- Faisarizan. (2024, September 4). (Mifzal, Interviewer).
- Farhan, M. (2024, April 25). Irsyad Hukum Siri Ke-838: Harta Sepencarian dari Perspektif Syarak. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my>. Accessed on 12 August 2024.
- Fatiha, N. (2024, January 23). Kes Perebutan Hak Hadanah Meningkatkan di Malaysia. Sinar Harian. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my>. Accessed on 12 August 2024.
- Ghazali, D. S. (2002). *Manual Kerja Sulh*. Perak Darul Ridzuan: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
- Hadenan Towpek, A. S. (2023). Amalan Pengurusan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah. *eJournal UM*, 9-10.
- Hasanuddin, S. G. (2020, July 18). Tuntutan Perceraian Mengikut Seksyen 47 Enakmen Keluarga Islam Perak 2004. Retrieved from <https://www.peguamsyarie.com>. Accessed on 12 August 2024.
- Helmi, K. (2024, Ogos 16). Nafkah Anak. (Mifzal Arif, Interviewer).
- Hendun Abd Rahman, N. N. (2022). Sulh dan Mediasi dalam Konflik Kekeluargaan di Mahkamah Syariah Malaysia. *Ulum Islamiyyah*, 71-81.
- Hidayat, W. A. (2017). Pemerkasaan Pelaksanaan Sulh dalam Kes Tuntutan Hartanah Orang Islam di Mahkamah Syariah di Malaysia. *Kanun*, 131-158.
- Husna. (2024, September 4). (Mifzal, Interviewer).
- Jabatan Bantuan Guaman Malaysia. (1992). Hak Nafkah dan Hadanah di Bawah Undang-Undang Keluarga Islam. Retrieved from <http://www.jbg.gov.my>. Accessed on 12 August 2024.
- Kamus Dewan Bahasa* (4 ed.). (2012). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Kerajaan, W. (2004). *Enakmen Negeri Perak*. Perak Darul Ridzuan: Jabatan Kehakiman Syariah Perak.
- Kho, K. (2022, Mei 26). *Mengenal Common Ground dalam berdiskusi*.
- M, M. R. (2024). *Kaedah Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Kesannya Kepada Murid Tahap Satu: Analisis Subjek Pendidikan Islam/ Classroom Assessment Method (PBD) And Its Impact On Level One Pupils: Analysis Of Islamic Education Subjects*. *UMRAN*, 11(1), 63–78. DOI: <https://doi.org/10.11113/umran2024.11n1.678>
- M., M. R., & N., N. F. (2025). Kesan Positif Selepas Perceraian: Analisis Kualitatif Kesedaran Hak dalam Kalangan Isteri yang Telah Bercerai/ Positive Impact After Divorce: A Qualitative Analysis of Rights Awareness Among Divorced Wives. *UMRAN – Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 12(1), 61-74. DOI: <https://doi.org/10.11113/umran2025.12n1.725>
- M. , M. R. (2024). Hifz al-Nafs dalam Maqasid Syariah: Analisis Teoritik. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 7(1), 8–19. Retrieved from: <http://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/210>. Accessed on 12 August 2024.
- Mohd Fuad, S. (2008). Peranan Pegawai Sulh Dalam Penyelesaian Konflik Keluarga Islam. *ResearchGate*, 1-9.
- Muhammad, A. N. (2024, January 11). 90% Kes Sulh Berjaya Diselesaikan pada Tahun 2023. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my>. Accessed on 12 August 2024.
- Muslim, Z. (2024, September 4). (Mifzal, Interviewer).
- Noor Shamimi, M. F. (2023). University Sulh Norma Baharu: Aplikasi dalam Kes Mal di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *Journal of Muwafaqat*, 6(2), 61-79.

- Noor, Z. (2012). Isu-Isu Berbangkit Dari Hak Hadanah dan Hak Perwalian Anak. *eJournalUM*, 20(1), 124-144.
- Noor, Z. B. (2004). Agama dan Akhlak: Satu Analisa Kelayakan Pengasuh Dalam Kes Hadanah. *Journal Syariah*, 43-68.
- Nor Azizah, M. (2024, July 10). JKSM Selesai 88% Kes Konflik Kekeluargaan Melalui Sulh. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bharian.com.my>. Accessed on 12 August 2024.
- Nur Khalidah, M. R. (2017). Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif Dari Sudut Syariah di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 86-98.
- Osman, D. A. (2021, March 28). Teknik Mencari Common Ground dalam Rundungan. RichWorks International Sdn Bhd. Retrieved from <https://richworks.com>. Accessed on 12 August 2024.
- Rahim, F. S. (2023). Analisis Cabaran Pegawai Sulh dalam Mengendalikan Kes Tuntutan Nafkah Anak di Mahkamah Syariah. *Journal of Law & Governance*, 64-77.
- Ramlee, N. &. (2022). Amalan Sulh dalam Norma Baharu di Brunei dan Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 54-67.
- Rasyid, A. (2017, April 30). Konsep Mediasi dalam Penyelesaian Sengketa. Binus University. Retrieved from <https://business-law.binus.ac.id>. Accessed on 12 August 2024.
- Razali, N. B. (2021). Pelaksanaan Perceraian Fast Track di Mahkamah Syariah dalam Perspektif Maqasid Syariah. *Uin Ar-Raniry*.
- Razali, N. B. (2022). Sistem Perceraian Fast Track yang Digunakan di Mahkamah Syariah Negeri Selangor Membantu Mempercepatkan Penyelesaian Permohonan Cerai. *Jurnal Justisia*, 552-572.
- Roslan, M. M. (2024). Impak Penasaban Kepada Abdullah Terhadap Masalah Sosial Anak Tak Sah Taraf: The Impact Of Abdullah's Lineage On Social Problems Among Illegitimate Children. *KQT EJournal*, 4(1), 1–14. Retrieved from: <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/81>. Accessed on 12 August 2024.
- Roslan, M. M. (2025). Masalah Tekanan Emosi Terhadap Penamaan Nasab Anak Tak Sah Taraf kepada Abdullah: Analisis Fatwa Kebangsaan: The Problem of Emotional Pressure Regarding the Named Lineage of an Illegal Child to Abdullah: Analysis of a National Fatwa. *Al-Takamul Al-Ma'rifi*, 8(1), 10–20. Retrieved from: <https://jurnal.usas.edu.my/altakamul/index.php/altakmulfiles/article/view/317>. Accessed on 12 August 2024.
- Roslan, M. M., & A Aziz, M. A. (2025). Gejala Kemurungan Akibat Pembubaran Pernikahan Syubhah: Analisis Kajian Kes: [Depression Symptoms Resulting From Doubtful Marriage Dissolution: A Case Study Analysis]. *KQT EJournal*, 5(1), 1–19. Retrieved from: <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/98>. Accessed on 12 August 2024.
- Roslan, M. M. (2024). Metodologi Pendalilan terhadap Fatwa Pensabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Analisis Penamaan kepada Bapa Biologi: [Argument Methodology Against Fatwa Conviction of Illegitimate Children's Lineage in Malaysia: Analysis of The Name of The Biological Father]. *KQT EJournal*, 4(2), 1–19. Retrieved from: <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/90>. Accessed on 12 August 2024.
- Roslan, M. M. & Luhamul Ashfia, S. B. C. (2025). Pendekatan Syarikat Ar Rasyidin Consultancy (ARC) dalam menangani Isu Aset Beku di Malaysia. (2025). *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 3(3). <https://ejournal.usm.my/ijwcps/article/view/5015>. Accessed on 12 August 2024.
- Ruzita, D. H. (2020). Kebiasaan Baru dalam Pelaksanaan Sulh Kes Hadanah dan Nafkah Anak. *Insla E-Proceedings*, 414-437.

- Salam, N. Z. (2019). Kebajikan Anak dalam Kes Hadanah di Mahkamah Syariah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 71-83.
- Saleh, M. A. (2024, September 6). (M. Arif, Interviewer).
- Sharifah, A. K. (2005). Hakikat Perceraian Dalam Islam: Halal Tetapi Dibenci Allah SWT. *KONAKA* , 142-151.
- Sharina, H. (2024). Perceraian Secara Harmoni Melalui Seksyen 47. *Galeri Artikel PPMM*.
- Shereen, N. (2022). Penentuan Hak Hadanah Anak Terhadap Pasangan Berlainan Agama. *eJournalUM*, 130-146.
- Suhaizad, F. N. (2023). Sulh Sebagai Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Alternatif di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan: Analisis Pelaksanaan dan Keberkesanan. *ICONSYAL 2023*, 94-104.
- Syafawi, H. (2024, September 9). Pendekatan Kaunseling Islami. (Mifzal, Interviewer)
- Yulmina. (2019). *Alasan Cerai Gugat*. Fakultas Hukum Keluarga .
- Zam, M. Y. (2023). Prosedur, Proses dan Keberkesanan Proses Majlis Tahkim dalam Penyelesaian Shiqaq. *ICONSYAL*, 105-118.
- Zulfah, A. S. (2019). Kebajikan Anak dalam Kes Hadanah di Mahkamah Syariah. *Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 71-83.
- Zulkifli, D. D. (2019). Solusi Rasulullah SAW dan Para Sahabat Terhadap Pertikaian Hadanah. *FSU USIM*, 1-16.